

**MAHKAMAH MAJISTRET JENAYAH (3) KLANG
DALAM NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA
(BL -83-2614-10/2019)**

DI ANTARA

PENDAKWARAYA

lwn.

NG KHIAN KHEE
(NO. K/P : 740105105719)

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Tertuduh telah dituduh atas kesalahan seperti berikut:

“Bahawa kamu pada 28.9.2019, jam lebih kurang 9.00 malam beralamat di sebuah premis alamat Doll House L2-2-16 Jalan Pekan Baru 36 Off Jalan Meru, 41050 di dalam Daerah Klang, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan, sebagai “Operator Mesin Perjudian” telah mengendalikan 14 buah mesin perjudian simulator; dan dengan itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 (Pindaan Akta 2001) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 4B Akta yang sama.

Hukuman: Denda tidak kurang dari sepuluh ribu ringgit dan tidak lebih dari satu ratus ribu ringgit bagi setiap mesin judi yang dirampas



dan hendaklah juga dikenakan hukuman penjara selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun.”

- [2] Bagi membuktikan kes pendakwaan, pihak pendakwaan telah memanggil saksi sebanyak 6 orang iaitu:

SP 1- ASP Erlina Binti Md Fuad (Pegawai Operasi Serbuan)

SP 2- Sjn Redzwan Bin Abdullah (Agen Provokator-1)

SP 3-Konst.Mohammad Faiz Bin Mohammad Faudzi (Agen Provokator-2)

SP 4- ASP Mohd Iqbal Bin Mohammad (Pakar Judi)

SP 5- En Mohd Fharulisa Bin Md Lisa (Pegawai Perlesenan MPK)

SP 6- Sjn Muhammad Zaki Bin Adnan (Pegawai Penyiasat)

Keterangan Kes Pendakwaan

- [3] Mengikut keterangan SP 1, serbuan ke atas premis dibuat pada 28 September 2019 jam lebih kurang 9.00 malam selepas SP 2 dan SP 3 diarahkan untuk masuk ke dalam premis tersebut sebagai Agen Provokator.
- [4] Selepas menerima maklum balas daripada SP 2 dan SP 3 bahawa terdapat aktiviti-aktiviti perjudian sedang berlangsung, SP 1 telah menyerbu masuk premis tersebut bersama pasukannya.
- [5] SP 1 mendapati tertuduh sedang berada di kaunter premis sebagai penjaga premis. SP 1 juga telah merampas 14 buah mesin perjudian berdasarkan makluman SP 2 dan SP 3. Mesin-mesin yang dirampas telah dianalisa oleh SP 4 yang merupakan salah



satu anggota pasukan SP 1 dan mengesahkan bahawa mesin-mesin tersebut mempunyai unsur perjudian.

- [6] SP 1 juga telah menahan 9 orang lain, dimana 2 merupakan pekerja tertuduh dan selainnya ialah pemain/pengunjung yang berada di tempat serbuan. Dalam serbuan tersebut, SP 1 telah merampas wang tunai RM903, mesin simulator, kunci dan cip seperti di Borang Bongkar yang ditanda sebagai P1(a-e).

Elemen yang perlu dibuktikan di bawah Seksyen 4B (a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953 “ARJT 1953”.

- [7] Untuk membuktikan pertuduhan terhadap tertuduh di bawah seksyen ini, elemen yang perlu dibuktikan adalah seperti berikut:
- a) Seorang individu telah berurusan atau menjalankan apa-apa transaksi;
 - b) dengan mana-mana mesin judi atau mana-mana bahagian mesin judi

Elemen Pertama

- [8] Menurut keterangan SP 1, semasa serbuan, SP 1 mendapati tertuduh sedang berada di kaunter premis tersebut sebagai penjaga kaunter. Tertuduh telah mengemukakan P8(b) iaitu Lesen Hiburan oleh Majlis Perbandaran Klang yang didaftarkan atas namanya sendiri dan juga wang tunai berjumlah RM903.00 yang dikeluarkan daripada poket kanan hadapan seluar hitam yang dipakai dan diserahkan kepada SP 1.



- [9] Menurut SP 2 pula, wang pertaruhan telah dibuat kepada tertuduh sebanyak RM50 di kaunter premis. Selain itu, apabila SP 2 berjaya menembak ikan dan memperoleh kredit sebanyak 200 mata, tertuduh telah menukarkan kredit tersebut kepada wang tunai sebanyak RM200 sebelum diberikan kepada SP 2. SP 3 juga telah membayar wang pertaruhan sebanyak RM100 kepada tertuduh yang berada di kaunter premis.
- [10] Keterangan-keterangan di atas jelas menunjukkan identiti tertuduh yang terlibat secara langsung dan berperanan dalam menguruskan transaksi di premis tersebut. Oleh yang demikian, elemen pertama berjaya dibuktikan.

Elemen Kedua

- [11] Seterusnya, elemen yang akan dinilai ialah elemen kedua iaitu mana-mana mesin judi atau mana-mana bahagian mesin judi. Seksyen 2 ARJT 1953 mendefinisikan:

- (i) “gaming” sebagai:

“with its grammatical variations and cognate expressions means the playing of any game of chance or mixed chance and skill for money or money’s worth and includes the playing of any game specified in Column 1 of the First and Second Schedule and the playing or operation of any gaming machine;

- (ii) “gaming machine” sebagai:

“gaming machine means any mechanical, electrical or electronic machine or device (including any computer program used in such machine or device), whether wholly or partly



mechanically, electrically or electronically operated, that is so designed or that has been so adapted that-

(a) it may be used for the purpose of playing a game of chance or a game of mixed chance and skill; and

(b) as a result of the playing or operation of the machine or device, winnings in money or money's worth may become payable”.

[12] Pihak pendakwaan bergantung kepada keterangan pakar judi, SP 4 bagi membuktikan elemen kedua ini. SP 4 mengesahkan beliau berada di tempat kejadian semasa kesemua 14 mesin dirampas. SP 4 juga menegaskan bahawa kesemua 14 mesin yang dirampas masih berfungsi dan boleh dimainkan. SP 4 juga menerangkan beliau telah membuat analisa terhadap mesin-mesin tersebut di tempat kejadian dan telah mengeluarkan P6, iaitu Laporan Pakar Judi sebagai rekod penganalisaannya.

[13] Antara jenis-jenis permainan yang ditawarkan pada mesin-mesin tersebut adalah “mesin tembak ikan” pada mesin yang ditandakan E, F, G, H, I, J, N, O, P.

“Mesin Tembak burung” pada mesin yang ditanda Q dan R.

“Mesin tembak raksasa” pada mesin yang ditandakan K.

“Permainan Slot Jenis Burung” pada mesin yang ditandakan L.

“Permainan Slot memaparkan imej Makhluk Asing & Raksasa” pada mesin yang ditandakan sebagai M.

[14] SP 4 mengesahkan bahawa kesemua permainan ini adalah permainan yang berkonsepkan *game of chance* kerana setiap



permainan tersebut lebih kepada “chance” dan bukan “skill” kerana pemain tidak boleh pastikan samada mata akan bertambah atau berkurang. Kredit akan bertambah jika tembakan mengenai objek yang lalu di skrin. Kredit yang diterima boleh ditukar kepada mata wang.

Hujahan Pihak Pembelaan

- [15] Pihak pembelaan telah membangkitkan beberapa isu. Pertamanya ialah kegagalan pihak pendakwa untuk membuktikan elemen ‘perjudian’ bagi mesin-mesin yang telah dirampas. Selain itu, mesin-mesin yang dirampas bukan sahaja telah rosak malah tidak beroperasi. Laporan Pakar yang disediakan oleh SP 4 juga dihujahkan adalah terlalu ringkas dan tidak menunjukkan penjelasan bagaimana permainan tersebut dimainkan bagi mewujudkan elemen ‘*chance*’ dan ‘*skill*’ dan tiada penjelasan bertulis berkenaan bagaimana dan dari siapa pulangan dalam bentuk kredit/wang dibuat.
- [16] Berdasarkan keterangan SP 4, semua hujahan yang dibangkitkan oleh pembelaan adalah disangkal sama sekali. Pertamanya, SP 4 telah menjelaskan setiap permainan bagi kesemua 14 mesin perjudian yang telah dirampas seperti yang dibincangkan di elemen kedua. Walaupun tidak penjelasan bertulis yang mendalam di P6, namun dalam keterangan di Mahkamah, SP 4 telah menjelaskan setiap permainan tersebut lebih kepada “*chance*” dan bukan “*skill*” kerana pemain tidak boleh pastikan samada mata akan bertambah atau berkurang. Kredit akan bertambah jika tembakan mengenai objek yang lalu di skrin. Kredit yang diterima boleh ditukar kepada mata wang. Memandangkan SP 4 telah bermain dan membuat



analisa kesemua 14 mesin tersebut, maka hujahan bahawa mesin-mesin perjudian tersebut tidak berfungsi adalah ditolak.

- [17] Berkaitan isu laporan pakar judi yang ringkas, Mahkamah memetik kes ***Wong Chop Saow v PP (1965) 1 MLJ 24*** seperti berikutt:

“May I, with respect, suggest that to avoid confusion the expert witness should give evidence as follows. He should first state qualification as an expert. He should then state that he has given as an expert in such cases and that his evidence been accepted by the Courts. He should then proceed to describe the various documents and give his reasons why in his opinion they relate the characters lottery. The magistrate must then come to a finding that he either accepts or rejects the evidence of the expert witness vis-à-vis characters lottery”.

- [18] Dalam kes ini, laporan pakar judi dan keterangan SP 4 semasa perbicaraan menyakinkan Mahkamah bahawa kesemua 14 buah mesin tersebut mempunyai elemen perjudian kerana saksi pakar judi telah memberikan penerangan bahawa mesin-mesin tersebut lebih berunsurkan ‘chance’ dan pelanggan akan menerima pulangan wang hasil daripada kredit yang dikumpul. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat pihak pendakwaan juga telah berjaya membuktikan elemen kedua bahawa kesemua mesin yang dirampas mempunyai ciri-ciri mesin perjudian.

- [19] Berikutnya, pihak pembelaan menghujahkan bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk memanggil saksi-saksi pendakwaan yang material. Ini kerana terdapat 8 orang yang telah ditangkap semasa operasi tersebut tetapi tiada sebarang pengecaman dibuat di Mahkamah. Pihak pendakwaan juga gagal menawarkan saksi-



saksi tersebut kepada pihak pembelaan. Oleh yang demikian, pihak pembelaan menghujahkan bahawa seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950¹ terpakai kerana penama-penama di tempat kejadian sengaja tidak dipanggil untuk memberi keterangan yang mungkin boleh memihak kepada tertuduh.

[20] Bagi isu ini, Mahkamah ingin merujuk kes ***Teh Lee Tong v Rex*** [1956] MLJ 194, menurut Hakim Spenser Wilkinson J (at p 195):

“Whilst it is no doubt true that it is the duty of the prosecution to lay all the material evidence before the court I do not think that this principle need be carried to the length of calling for the prosecution witnesses whose evidence is wholly adverse to the prosecution and wholly favourable to the defence — in short, defence witnesses — simply because statements have been taken in the course of the investigation. The following passage from the judgment of Whitley Ag CJ in the case of Public Prosecutor v Lee Pak [1937] MLJ 265; [1938] FMSLR 1 is relevant in this connection:

It is not incumbent upon the prosecution to call as witnesses all persons from whom statements have been taken. If it is clear that their evidence will throw no light on the case, it would be a sheer waste of time and money to bring them to court. If the accused should desire to call any such person as a witness he should of course be given the opportunity to do so, no matter what view the prosecution may have taken as to the value of the evidence which he is able to give. This question of to what extent the prosecution is bound to call witnesses was discussed in the case of Rex v

¹ Sec 114(g) Evidence Act 1950 - The court may presume:
(g) that evidence which could be and is not produced would if produced be unfavourable to the person who withholds it



Sanmugam [1932] MLJ 75; [1933] SSLR 337, where a number of authorities are referred to, but that case only deals with witnesses who have been called at a preliminary enquiry. In a summary trial before a magistrate the prosecuting officer must of course have a far wider discretion."

- [21] Perenggan yang relevan dalam kes ***Rex v Sanmugam [1932] MLJ 75; [1933] SSLR 337*** seperti berikut:

"In a trial by jury the prosecuting officer is not bound to call as a witness for the Crown or tender for cross-examination a witness who gave evidence in the preliminary enquiry, whose evidence in his opinion is unnecessary, hostile, or not believed."

- [22] Dalam kes ***Munusamy v Public Prosecutor [1987] 1 MLJ 492***, Mohamed Azmi, Hakim Mahkamah Agung dalam penghakimannya menyatakan bahawa (at p 494):

*"It is essential to appreciate the scope of s 114(g) lest it be carried too far outside its limit. Adverse inference under that illustration can only be drawn if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just any document, but material document by a party in his possession, **or for non-production of not just any witness but an important and material witness to the case.**"*

- [23] Berdasarkan penerangan kes-kes di atas, Mahkamah berpendapat bahawa budibicara untuk memanggil saksi adalah terletak pada pihak pendakwaan. Sec 114(g) Akta Keterangan tidak terpakai kepada semua jenis situasi tetapi tertakhluk kepada situasi-situasi khas seperti yang diterangkan dalam kes ***Munusamy v PP***. Dalam kes ini, tiada penjelasan daripada pembelaan berkenaan saksi



mana yang material yang perlu dipanggil bagi memberikan keterangan yang penting bagi kes ini. Dakwaan semata-mata bahawa setiap pemain atau pengunjung tidak dipanggil untuk memberi keterangan tidak secara automatik menimbulkan anggapan di bawah sec 114(g) tersebut. Oleh yang demikian, hujahan ini juga ditolak oleh Mahkamah.

- [24] Ketiga, pihak pembelaan menghujahkan bahawa SP 6, iaitu Pegawai Penyiasat telah gagal untuk melakukan penyiasatan yang menyeluruh berkenaan dengan pemilik premis tersebut dan juga penama yang mendaftar dengan bil elektrik di premis tersebut untuk membuktikan bahawa tertuduh merupakan satu-satunya orang yang mengendalikan mesin-mesin yang telah dirampas daripada premis tersebut. SP 6 juga dikatakan telah gagal untuk membuat siasatan berkenaan dengan rakaman CCTV. SP 6 juga dikatakan gagal mengemukakan barang-barang rampasan.
- [25] Berkenaan isu ini, Mahkamah berpendapat bahawa keterangan terhadap tertuduh dalam kes ini adalah sangat jelas dan tiada kelompongan dalam kes pendakwaan. Pihak pendakwaan telah membuktikan semua elemen yang diperlukan di bawah sec 4(1) (c) ARJT terhadap tertuduh. Oleh yang demikian, kegagalan untuk menyiasat rakaman CCTV dalam premis, pemilik premis dan pendaftar yang mendaftar bil elektrik premis tidak meranapkan kes pendakwaan. Kes pendakwaan terhadap tertuduh masih kukuh walaupun tanpa keterangan-keterangan yang dihujahkan oleh pembelaan.
- [26] Seterusnya, pihak pembelaan menghujahkan bahawa terdapat pemutusan rantai pembuktian kerana SP 6 telah gagal untuk



mengendalikan barang-barang kes iaitu 14 buah mesin hiburan yang dirampas kerana hanya 13 buah mesin sahaja didapati di tempat pengecaman barang kes dijalankan dan terdedah kepada cuaca luar.

[27] Mahkamah mendapati keterangan-keterangan yang dikemukakan dari awal kes ini, iaitu daripada SP 1, SP 4 dan SP 6 memang menunjukkan rampasan 14 buah mesin perjudian di premis tersebut. SP 4 dalam keterangan juga telah menyatakan terdapat 14 mesin yang telah dianalisa oleh beliau. SP 6, pegawai penyiasat kes juga memberikan keterangan bahawa sebanyak 14 buah mesin perjudian telah dirampas. Pegawai penyiasat juga mengakui bahawa terdapat kekurangan sebuah mesin perjudian di stor barang kes kerana mungkin telah dilupuskan oleh pegawai lain. Persoalan di sini adakah kekurangan sebuah mesin judi menyebabkan rantaian keterangan kes pendakwaan telah putus?

[28] Mahkamah ingin merujuk prinsip berkaitan rantaian barang kes seperti dalam kes Mahkamah Rayuan ***Gunalan a/l Ramachandran [2004] 4 MLJ 489***:

"In a drug trafficking case, it was important to prove that the substance that had been recovered was sent to the chemist for analysis and that the analysis showed that it was heroin or other dangerous drug. Therefore, the chain of evidence was more important for the period from the time of recovery until the completion of the analysis by the chemist. Even then, it did not necessarily mean that if the exhibit as handed from one person to another, every one of them must be called to give evidence regarding the handing over or that if there was a break in the chain



*of evidence, even for one day, the case would fall. **The fact that there was a gap in the chain of evidence did not necessarily mean that that fact was not proved. It depended on the facts and circumstances of each case.** (Kepentingan diutamakan)*

*The next period to consider was from the time that the substance was received back from the chemist until it was produced in court. The chain of evidence in this second period **was less important** because there was no law requiring the exhibit recovered to be produced in court or that if the exhibit was not produced in court, the prosecution's case must necessarily fall. The prosecution's case may or may not fall depending on the facts and the circumstances of each case. Here, the learned trial judge had dealt at length on the issue of break of chain of evidence and concluded that there was no merit to the contention that there was a break in the chain of evidence from the day the drugs were seized until the date of trial”.*

- [29] Berdasarkan autoriti di atas, rantaian keterangan yang diujahkan terputus oleh pembelaan ini ialah semasa tinjauan Mahkamah di stor barang kes. Oleh itu, rantaian keterangan ini adalah kurang penting berbanding rantaian keterangan dari waktu rampasan sehingga penyediaan Laporan Pakar. Pada pendapat Mahkamah, memandangkan keterangan kes sejak awal meyakinkan Mahkamah bahawa jumlah rampasan mesin perjudian ialah sebanyak 14 mesin, maka Mahkamah berpendapat bahawa ketiadaan sebuah mesin perjudian semasa tinjauan di stor barang kes tidak memutuskan rantaian keterangan dalam kes ini atau meranapkan kes pendakwaan.



- [30] Atas alasan-alasan yang dibincangkan di atas, Mahkamah dengan ini menolak semua isu yang dibangkitkan oleh pihak pembelaan. Dengan itu, Mahkamah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes prima facie tanpa keraguan yang munasabah. Tertuduh telah dipanggil untuk membela diri. Tiga pilihan diberikan untuk tertuduh di peringkat pembelaan.

Kes Pembelaan

- [31] Tertuduh telah memilih untuk memberi keterangan bersumpah dari kandang saksi. Seramai 4 orang saksi telah dikemukakan oleh pihak pembelaan.
- [32] Pembelaan yang dikemukakan secara dasarnya ialah kawalan dan pengurusan kepada mesin-mesin yang berada di tempat kejadian tersebut bukanlah di bawah kawalan tertuduh, tetapi di bawah kawalan dan pengurusan seorang warganegara Myanmar bernama Aung dan seorang wanita bernama Ah Mui. Tertuduh hanya memasak dan menghantar makanan atau minuman kepada pelanggan yang memesan makanan atau minuman.
- [33] Berdasarkan nota-nota keterangan di peringkat pendakwaan yang diteliti oleh Mahkamah, tiada soalan yang diajukan kepada saksi pendakwaan berkenaan pekerjaan tertuduh yang hanya memasak dan menghantar makanan atau minuman kepada pelanggan walaupun pihak pembelaan mempunyai banyak peluang untuk mengemukakan keterangan tersebut terutamanya kepada SP 2 dan SP 3 yang bertugas sebagai Agen Provokator yang mempunyai pengetahuan tentang situasi dalam premis tersebut ataupun kepada Pegawai Penyiasat. Pihak pembelaan gagal untuk mengukuhkan dakwaan ini di peringkat pendakwaan.



[34] Oleh yang demikian, Mahkamah beranggapan bahawa pembelaan tersebut adalah pemikiran semula (“after thought”) dan penafian semata-mata (“bare denial”) seperti yang diputuskan dalam kes ***PP v Ling Tee Huang [1982] 2 MLJ 324*** iaitu:

“A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution’s evidence is not sufficient”.

[35] Tambahan lagi, dalam kes ***Feezree Bin Ferdause v PP [2019] MLJU 156***, Mahkamah berpendapat bahawa:

“Adalah menjadi undang-undang mantap bahawa penafian, jika tidak disokong oleh keterangan yang kukuh dan boleh dipercayai, adalah ‘self-serving assertion’ yang tidak mempunyai apa-apa nilai/berat keterangan di sisi undang-undang.”

[36] Selain itu, keterangan SD 2, SD 3 dan SD 4 yang menyatakan bahawa mereka tidak melihat tertuduh berada di kaunter dan menjaga premis tersebut haruslah diteliti dengan berhati-hati kerana saksi-saksi ini juga ditangkap bersama-sama tertuduh kerana berperanan sebagai pemain.

[37] Bukan itu sahaja, keterangan saksi-saksi pembelaan juga bercanggah dengan saksi pendakwaan iaitu SP 2 dan SP 3 berkenaan peranan tertuduh. Ini kerana SP 2 dan SP 3 telah memberi keterangan telah melihat tertuduh yang menjaga kaunter dan menerima wang daripada pelanggan manakala saksi-saksi pembelaan pula menyatakan bahawa tertuduh hanya memasak dan menghantar makanan yang dipesan pelanggan. Keterangan SD 2, SD 3 dan SD 4 haruslah diambil kira dengan berhati-hati kerana ketiga-tiga mereka telah ditangkap bersama-sama tertuduh di dalam premis.



- [38] Bagi menentukan samada SD 2, SD 3 dan SD 4 merupakan rakan sepenjenayah dengan tertuduh, Mahkamah ingin merujuk kes ***Pasupathy a/l Kanagasaby v Public Prosecutor [2005] 1 MLJ 493*** di mana Mahkamah Rayuan telah memberikan maksud rakan sepenjenayah:

“The word ‘accomplice’ is defined in the Oxford Dictionary of Law (5th Ed) as ‘one who is a party to a crime, either as a principal or as an accessory’. The Cambridge Advanced Learner’s Dictionary (2003) describes him as ‘a person who helps someone else to commit a crime or to do something normally wrong’. Lord Simonds LC in Davies v DPP [1954] 1 All ER 507; [1954] 2 WLR 343 states the question to ask in determining whether a person is an accomplice as: ‘Is there any evidence upon which the trial judge could properly rule that X was a participant in the offence?’

- [39] Selanjutnya dalam kes ***Sabarudin bin Non v Public Prosecutor [2005] 4 MLJ 37***, Gopal Sri Ram HMR (pada ketika itu) memutuskan:

“In our judgment, the correct test for determining whether a witness is an accomplice is that laid down by Thompson CJ Chao Chong v Public Prosecutor [1960] MLJ 238:

‘The true question, however, was not the technical one of whether the witness could have been convicted for his participation in the offence if he had been prosecuted. The true question was whether, having regard to his participation in the offence and having regard to all the circumstances of the case, his evidence was to be regarded with suspicion and as possibly so tainted as to invite if not demand corroboration before it was accepted.’



- [40] Dalam kes ini, walaupun kesemua saksi pembelaan telah memberi keterangan yang sama, namun keterangan-keterangan tersebut perlulah dinilai dengan berhati-hati berdasarkan principal '*one accomplice cannot corroborate another*'. Dengan ini, Mahkamah memetik kes ***Puganeswaran a/l Ganesan & anor v PP [2020] 12 MLJ 165:***

"The law as to corroboration as enunciated by the various authorities may be summarised thus:

It would be impossible, indeed it would be dangerous, to formulate the kind of evidence which should, or would, be regarded as corroboration. Its nature and extent must necessarily vary with the circumstances of each case and also according to the particular circumstances of the offence charged. But to this extent the rules are clear:

(3) The corroboration must come from independent sources and thus ordinarily the testimony of one accomplice would not be sufficient to corroborate that of another."

- [41] Mahkamah ini juga mendapati 'demeanor' SD 3 semasa memberi keterangan telah terus menjawab secara konsisten sebelum ditanya oleh pembelaan tentang tugas dan peranan tertuduh di premis kejadian. Oleh yang demikian, adalah berbahaya untuk Mahkamah ini mempercayai saksi-saksi pembelaan yang juga merupakan rakan sepenjenayah yang ditangkap bersama tertuduh.
- [42] Seterusnya, tertuduh memberi keterangan bahawa dia telah diberikan pekerjaan di kedai tersebut oleh seorang yang bernama Ah Hock iaitu tuan punya kedai tersebut dan gajinya adalah



berdasarkan hasil jualan makanan dan minuman yang disediakan kepada pelanggan-pelanggan dalam premis tersebut.

[43] Namun demikian, tiada usaha yang ditunjukkan untuk membawa Ah Hock sebagai saksi pembelaan mahupun perkara ini dimaklumkan kepada SP 6 sebagai Pegawai Penyiasat untuk menyiasat perkara ini. Sekiranya dimaklumkan kepada Pegawai Penyiasat, sudah pasti siasatan akan dilakukan terhadap Ah Hock.

[44] Namun demikian, keterangan tertuduh ini jelas bertentangan dengan keterangan dokumentari yang ada iaitu lesen perniagaan pusat hiburan keluarga iaitu P8(A) dan P8(B) yang dikeluarkan atas nama tertuduh dan bukannya Ah Hock.

[45] Oleh yang demikian, pernyataan tertuduh bahawa Ah Hock yang telah memberikan pekerjaan kepadanya merupakan satu pemikiran terkemudian 'after thought' dan ditambah lagi kegagalan tertuduh untuk memaklumkan kepada Pegawai Penyiasat berkenaan Ah Hock.

[46] Merujuk kes **Ahmadi Bin Moin v PP [2017] MLJU 271:**

"We found that the learned trial judge had duly considered all the evidence adduced before concluding that the defence of the appellant were mere denial and an afterthought. It is the duty of the defence to put its case to the prosecution's witness as might be in a position to admit or deny it to enable the prosecution to check on whether an accused's version of the facts is true or false, and thus avoid the adverse comment, that the defence is a recent invention, bare denial or an afterthought."



[47] Seterusnya, pembelaan menghujahkan bahawa kegagalan pendakwaan untuk memanggil pekerja Myanmar yang bernama 'Aung' telah menimbulkan anggapan bertentangan di bawah sec 114(g) Akta Keterangan.

[48] Bagi isu ini, mahkamah mengambil panduan daripada kes Mahkamah Persekutuan dalam kes **Ghasem Hozouri Hassan v Pendakwa Raya [2018] MLJU 601** melalui penghakiman Ketua Hakim Negara Tun Raus Sharif ketika itu telah menjelaskan mengenai aplikasi s 114(g) Akta Keterangan 1950 seperti berikut:

"[48] The law pertaining to s 114(g) of the Evidence Act is settled. Under s 114(g) of the Evidence Act 1950 the court may presume that evidence which could be and is not produced would if produced be unfavourable to the person who withholds it. The usage of the word 'may' gives the discretion to the court whether or not to invoke the adverse inference to a given set of facts. It is not a mandatory inference. To draw an adverse inference against the prosecution the court must be satisfied that the witness that was not offered was a material witness, the prosecution purposely withhold evidence which it possessed and which was always available; and that what the prosecution did was done with an ulterior motive to frustrate the defence (Nanda Kumar a/l Kunyikanan & Anor v Pendakwa Raya [2011] MLJU 1566; [2011] 8 CLJ 406).

[49] The aforesaid authority above set out is the correct position of the law, that is, court will not invoke an adverse inference against prosecution if it believes that the facts and/or the prosecution's reasons for not calling the supposed material witnesses show no cause for it. Moreover, the prosecution only needs to produce



witnesses who are necessary in the unfolding of its complete narrative, that is, to prove the essential elements of the crime and in this case, custody, control, and knowledge. Applying the above principles to our present case, we are satisfied that there was no evidence to suggest even the slightest inkling that the prosecution withheld testimonies by Javad @ Hasan Tiren and Samaneh Momen in a deliberate scheme to impair the truth or frustrate the appellant's defence.

[50] Further, in the case of *Siew Yoke Keong v Public Prosecutor* [2013] 3 MLJ 630 this court had succinctly laid down that witnesses for prosecution are indispensable only insofar as they are necessary in establishing a prosecution's case beyond a reasonable doubt. Thus, any calling of witness beyond that minimum requirement is within prosecutorial discretion. In the end, it is the sufficiency of the evidence that matters. As long as there are no 'unsatisfactory features or gaps in the prosecution's case, an order of adverse inference is not imperative. It is our view, on the facts of this case, adverse inference under s 114(g) of the Evidence Act, could not be invoked against the prosecution'. (Penekanan ditambah.)

- [49] Mahkamah ini mendapati kegagalan pihak pendakwaan memanggil Aung tidak mencatatkan kes pendakwaan. Mengikut SP 2 dan SP 3, Aung merupakan pekerja Myanmar yang hanya membantu di premis tertuduh. Pihak pendakwaan tidak boleh dikatakan cuba menyembunyikan atau menutup keterangan hanya atas alasan kegagalan mengemukakan keterangan yang tidak semestinya boleh membantu atau mengukuhkan kes pendakwaan mahupun



kes pembelaan. Apa yang penting ialah pihak pendakwaan telah memanggil saksi yang penting bagi membuktikan elemen pertuduhan ini. Selagi tiada kelompongan yang serius dalam kes pendakwaan, maka adalah tidak wajar untuk menimbulkan anggapan menentang.

- [50] Pihak pembelaan juga telah menghujahkan bahawa mesin – mesin di tempat kejadian bukanlah mesin judi berdasarkan keterangan saksi-saksi pembelaan kerana permainan yang dimainkan tidak berunsurkan nasib atau '*chance*'. Pada pendapat Mahkamah, saksi – saksi yang dikemukakan oleh pembelaan bukanlah saksi pakar dalam penganalisaan mesin judi. Keterangan saksi-saksi pembelaan haruslah diterima dengan berhati-hati berbanding keterangan SP 4, iaitu pakar judi yang telah memberikan keterangan yang jelas atas ciri-ciri mesin judi yang telah disita.
- [51] Seterusnya, pembelaan dalam hujahan bertulis telah membangkitkan bahawa tertuduh tidak pernah menerima laporan pakar judi selaras dengan sec 11(5) ARJT 1953 dan sekaligus menyebabkan Mahkamah ini tidak sepatutnya menerima laporan ini sebagai keterangan dalam kes ini.
- [52] Mahkamah ini menolak isu ini atas alasan bahawa pakar judi yang menyediakan laporan ini telah dipanggil untuk menjadi salah seorang saksi pendakwaan. Jika saksi ini tidak dipanggil, maka keterangan berkenaan tarikh, masa dan tempat serahan laporan pakar judi kepada tertuduh adalah penting. Memandangkan pakar judi telah dipanggil sebagai saksi dan keterangan berkenaan semua mesin judi telah diberikan, maka tiada isu penyerahan laporan pakar judi yang timbul di sini. Pihak pembelaan telah mempunyai peluang



untuk memeriksa balas pakar judi tersebut dan laporan pakar judi tersebut telah ditanda sebagai eksibit P6 dengan sempurna. Keterangan pakar judi tersebut tidak tergugat walaupun jika laporan pakar judi tersebut tidak diterima sebagai keterangan.

- [53] Kesimpulannya, Mahkamah ini mendapati pihak pembelaan tidak berjaya menimbulkan sebarang keraguan terhadap kes pendakwaan. Oleh itu, mengaplikasikan prinsip yang digariskan dalam kes ***Mat v Public Prosecutor [1963] 1 MLJ 263***, di mana mahkamah telah menyatakan:

“(d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt -Convict.”

- [54] Oleh yang demikian, mahkamah ini mendapati tertuduh bersalah dan disabitkan di bawah sec 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Rayuan Dan Hujahan Pemberatan

- [55] Pihak pembelaan berhujah bahawa tertuduh berumur 48 tahun dan masih belum berkahwin. Tertuduh bekerja sebagai pemandu lori dengan pendapatan sebanyak RM1800. Tertuduh menghidapi penyakit kencing manis, darah tinggi dan sakit jantung. Tertuduh juga merupakan pesalah pertama. Pihak pembelaan memohon hukuman denda yang kurang.
- [56] Pihak pendakwaraya memohon hukuman yang setimpal dan sewajarnya. Pihak pendakwaraya juga mengesahkan tertuduh tidak mempunyai rekod lampau.



Hukuman

- [57] Setelah mendengar hujahan kedua-dua belah pihak Mahkamah memerintahkan tertuduh dijatuhkan hukuman penjara 6 bulan dari tarikh sabitan dan denda sebanyak RM10,00 bagi setiap mesin yang disita yang berjumlah 14 mesin. Jadi, denda sebanyak RM140,000 gagal bayar 4 bulan penjara.
- [58] Pihak pembelaan telah memohon pengantungan hukuman kerana akan memfailkan rayuan dan jika rayuan berjaya, hukuman penjara akan menjadi akademik. Rayuan juga akan mengambil masa yang lama dan ini menunjukkan ada keadaan istimewa. Mahkamah telah membenarkan permohonan penggantungan hukuman penjara dengan syarat bahawa wang jaminan dinaikkan kepada RM7500 dan Notis Rayuan difailkan dalam masa 2 minggu dari tarikh keputusan.

Bertarikh 12 Mei 2022

Disediakan oleh,

t.t

Sarulatha a/p Paramavathar

Mahkamah Majistret Jenayah (3) Klang

*Timbalan Pendakwaraya : Evangelin dan Nur'Ain Madiah Zulkifli
(Jabatan Peguam Negara, Selangor)*

*Peguambela : Ethan dan Darshne (T/n : WH Tan, Darshne &
Associates)*

